

03/06/1998

Kuala Lumpur jadi tuan rumah sidang CPU

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) dari 26 hingga 29 Oktober ini yang membincangkan projek Koridor Raya Multi Media negara ini dan kesannya ke atas rantau ini.

Pengarah Eksekutif CPU, Mark Robinson, berkata Malaysia adalah negara kedua di Asia selepas Sri Lanka di Asia dipilih menjadi tuan rumah persidangan itu.

Sri Lanka menjadi tuan rumah 15 tahun lalu.

Menurutnya, kira-kira 150 orang termasuk 20 pengarang akhbar negara Komanwel dijemput ke persidangan itu yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku dijangka menyampaikan ucapan bertajuk Eye Of The Tiger.

Sambil menyifatkan persidangan itu sebagai perkongsian idea dan harapan, Robinson berkata, perbincangan mengenai kecenderungan serantau di Asia meliputi gambaran menyeluruh mengenai keadaan ekonomi di rantau ini dan soal sosiopolitik di Asia Tenggara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Kelab Akhbar Kebangsaan di sini, hari ini bersama Pengarang Kumpulan New Straits Times, Datuk A Kadir Jasin yang juga Pengerusi CPU Malaysia.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Khalid Mohd; Penasihat The Star, Datuk V K Chin dan Penulis Kanan Sin Chiew Jit Poh, James Wong.

Isu lain yang akan dibincangkan ialah hak asasi manusia di kalangan anggota Komanwel, kebebasan akhbar, era digital dan implikasinya, CPU dan peranannya, dan alam sekitar.

Robinson berkata, sebelum persidangan, forum pengarang CPU akan diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) dari 21 hingga 23 Oktober ini bagi membincangkan isu kewartawanan dan aspek teknikal kerjaya itu.

CPU yang berpusat di London ditubuhkan pada 1950 untuk mempertahankan nilai Komanwel dan memperjuangkan kepentingan badan penerbitannya serta mengadakan program latihan.

Kini, CPU mempunyai kira-kira 750 anggota dari 53 negara anggota Komanwel.

Malaysia mempunyai tujuh anggota dalam CPU dan antaranya ialah akhbar kumpulan The New Straits Times Press (NSTP).

Pada majlis itu, Robinson menerima contoh tiket Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menaja 20 pengarang dari negara membangun Komanwel.

(END)